

PERPUSTAKAAN UMP



0000117834

DEVELOP THE CONSTRUCTION BUSINESS SUCCESS
CHECKLIST IN THE CONSTRUCTION INDUSTRY

ZAHIDY BIN ABD HAMID

Thesis submitted in fulfilment of the requirements
for the award of the degree of
Doctor of Philosophy

Faculty of Industrial Management
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

NOVEMBER 2016

PERPUSTAKAAN 010514 UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG G	
No. Perolehan 117834	No. Panggilan PIM 234 2016 r Thesis
Tarikh 17 APR 2017	

ABSTRACT

Earlier conceptions of success in the construction industry placed a great emphasis on the project-based success criteria. Emphasising on this criterion has led to the vast efforts paid to grandiose the theory on project-based management practices to improve the efficiency of individual projects. Yet, success still proves to be elusive in many construction companies, which recorded the biggest percentage of failed businesses globally of 20.2%. In response to this issue, the objective of this study was to explore the success indicators for entrepreneurs in the construction industry from a different view, that is, from the perspectives of an entrepreneurship phenomenon. To guide the research effort, the overarching research question was formulated as: what are the success indicators for entrepreneurs in the construction industry? Following a review of existing knowledge in the entrepreneurship literature, a list of twenty three relevant indicators was proposed with a conceptual research model relies on four knowledge areas of an entrepreneurship phenomenon, namely entrepreneurial orientation, entrepreneurial organisation, entrepreneurial competency, and entrepreneurial environment. This research was conducted in two phases of research inquiry with the use of a mixed method research design. In the first phase, two rounds of the Delphi study was employed to identify the most important indicators to the success of construction enterprise. Then, the Decision Making and Trial Evaluation Laboratory (DEMATEL) was used to explore the interrelationships among those importance indicators in the second phase. The data was solicited from a panel of thirty nine construction industry experts comprising of contractor/developer, professional engineering consultant, government technical officer and academician, and was applicable for both phases. The Cronbach's alpha coefficient for the Delphi study and DEMATEL technique were 0.827 and 0.768, respectively, which implied high reliability of the instruments. The questionnaires were electronically transmitted to the expert panellists with the response rates of 100% in the first round and 92.3% in the second round of the Delphi study, and 55.6% in the DEMATEL technique. The overall research findings revealed that eighteen indicators were of importance with three indicators was the most critical and driving indicators to the success of the construction enterprise. In addition, a checklist named the Constructionpreneurial Business Success Checklist was developed and validated. The validation tests indicated that this checklist could be an appropriate tool for guiding the construction enterprise in monitoring their business toward an achievement of the long-term corporate success, and beneficial for the intended users. This research is expected to generate a new knowledge in the CEM literature as it highlights the benefits of the entrepreneurial activities brought to the successful business in the construction industry. Nevertheless, a list of practical implementation of success indicators forwarded by the research is expected to be applicable to a various stakeholders within the construction industry. From a research perspective, the study could stimulate further interest in the CEM and entrepreneurship research.

ABSTRAK

Konsep kejayaan yang terdahulu dalam industri pembinaan telah memberi penekanan yang besar terhadap kriteria kejayaan berasaskan projek. Penekanan terhadap kriteria ini telah membawa kepada banyak usaha dibuat untuk memertabatkan teori mengenai amalan pengurusan berasaskan projek bagi meningkatkan kecekapan projek. Namun, kejayaan masih sukar dibuktikan dalam kebanyakan syarikat pembinaan, dengan peratusan kegagalan perniagaan terbesar di peringkat global sebanyak 20.2 %. Sebagai tindak balas kepada isu ini, objektif kajian ini adalah untuk meneroka indikator kejayaan bagi usahawan dalam industri pembinaan daripada pandangan yang berbeza, iaitu daripada perspektif fenomena keusahawanan. Bagi membimbing usaha penyelidikan ini, soalan penyelidikan yang bersifat menyeluruh telah digubal sebagai: apakah indikator kejayaan bagi usahawan dalam industri pembinaan? Berikutan penelitian pengetahuan sedia ada dalam literatur keusahawanan, satu senarai yang mengandungi dua puluh tiga indikator berkaitan telah dicadangkan dengan model penyelidikan konsep bersandarkan kepada empat bidang pengetahuan fenomena keusahawanan, iaitu orientasi keusahawanan, organisasi keusahawanan, kecekapan keusahawanan, dan persekitaran keusahawanan. Kajian ini dijalankan dalam dua fasa siasatan penyelidikan dengan penggunaan kaedah penyelidikan bercampur. Dalam fasa pertama, dua pusingan kajian Delphi telah digunakan untuk mengenal pasti indikator-indikator yang paling penting bagi kejayaan syarikat pembinaan. Kemudian, teknik *Decision Making and Trial Evaluation Laboratory* (DEMATEL) telah digunakan dalam fasa kedua untuk meneroka hubungkait di antara indikator-indikator yang penting tersebut. Data penyelidikan telah dikumpul daripada satu panel mengandungi tiga puluh sembilan pakar industri pembinaan yang terdiri daripada kontraktor/pemaju, perunding kejuruteraan profesional, pegawai teknikal kerajaan dan ahli akademik, dan terpakai untuk kedua-dua fasa. Pekali alfa Cronbach untuk kajian Delphi dan teknik DEMATEL adalah masing-masing 0.827 dan 0.768, menunjukkan kebolehpercayaan yang tinggi bagi instrumen tersebut. Borang soal selidik dihantar secara elektronik kepada ahli panel pakar dengan kadar respons sebanyak 100% pada pusingan pertama dan 92.3% pada pusingan kedua kajian Delphi, dan 55.6% bagi teknik DEMATEL. Hasil dapatan keseluruhan kajian menunjukkan bahawa lapan belas indikator mempunyai kepentingan dengan tiga darinya adalah indikator paling kritikal dan memandu kepada kejayaan syarikat pembinaan. Di samping itu, satu senarai semak yang dinamakan *Constructionpreneurial Business Success Checklist* telah dibangunkan dan disahkan. Ujian pengesahan menunjukkan bahawa senarai semak ini boleh menjadi alat yang sesuai untuk membimbing syarikat pembinaan memantau perniagaan mereka ke arah pencapaian kejayaan korporat jangka panjang, dan memberi manfaat kepada pengguna dimaksudkan. Kajian ini dijangka menjana pengetahuan baru dalam literatur pengurusan kejuruteraan pembinaan (PKP) kerana ia menonjolkan manfaat yang dibawa oleh aktiviti-aktiviti keusahawanan kepada kejayaan perniagaan dalam industri pembinaan. Walau bagaimanapun, senarai indikator kejayaan yang pelaksanaannya adalah praktikal hasil dari kajian ini dijangka terpakai kepada pelbagai pihak berkepentingan dalam industri pembinaan. Dari perspektif penyelidikan, kajian ini dapat merangsang lagi aktiviti penyelidikan dalam bidang PKP dan keusahawanan.